

Bajet 2017 diharap sasar defisit lebih rendah



KHAZANAH
NASIONAL

Forum
Megatrends
Khazanah 2016

→ Kerajaan
perlu
berbelanja
secara
berhemat
dalam ekonomi
mencabar

Oleh Mahanum Abdul
Aziz dan Lum Chee Hong
bhbiz@bh.com.my

Kerajaan disaran berbelanja dengan lebih berhemat dalam Bajet 2017 bagi memastikan negara terus menurunkan paras defisit meskipun masih berdepan persekitaran ekonomi global yang amat mencabar.

Pengerusi CIMB Group, Datuk Seri Nazir Razak, berkata kementerian kedudukan kewangan kerajaan menjadi perhatian utama peserta pasaran dalam pengumuman bajet kali ini.

Beliau berkata, usaha itu penting bagi menunjukkan kerajaan mampu mencapai sasaran defisit bajet yang rendah meskipun berdepan persekitaran luaran yang mencabar.

"Diharap dalam Bajet 2017, akan memperlihatkan sasaran defisit akan menjadi lebih baik," katanya ketika ditemui pada Forum Megatrends Khazanah 2016 di Kuala Lumpur, semalam.

Paras hutang kerajaan

Nazir berkata, perkara lain yang menjadi perhatian dalam bajet kali ini juga ialah mengenai paras hutang kerajaan.

Beliau berkata, memandangkan persekitaran ekonomi yang tidak menentu, adalah lebih baik untuk kerajaan berbelanja secara berhemah.

Katanya, kerajaan perlu memastikan hutang kerajaan tidak melepasi paras siling yang ditetapkan iaitu 55 peratus daripada

Fakta
nombor

3.1

PERATUS

sasaran defisit daripada
KDNK bagi 2016

4.0 - 4.5

PERATUS

jangkaan pertumbuhan
ekonomi bagi 2016

55

PERATUS

paras siling hutang

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Mengenai bahagian perbelanjaan yang boleh dikurangkan, Nazir mencadangkan kerajaan boleh mengurangkan perbelanjaan operasi.

Mengenai sama ada penanda aras kadar faedah diturunkan pada tahun ini, beliau tidak menolak kemungkinan satu lagi pengurangan kadar dasar semalam (OPR) dilaksanakan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, pengurangan selanjutnya OPR itu bukan saja dilaksanakan dengan mengambil kira dinamik ekonomi negara tetapi juga dinamik ekonomi luaran yang memberi kesan kepada pergerakan tukaran asing.

Tumpu langkah sokong pertumbuhan, rakyat

Sementara itu, Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd, Tan Sri Azman Mokhtar menjangkakan Bajet 2017 memperlihatkan kerajaan meneruskan tumpuan terhadap langkah menyokong pertumbuhan dan rakyat.

Beliau berkata, bajet itu juga bakal terarah kepada tanggungjawab fiskal berikutan persekitaran ekonomi dunia yang mencabar.

"Kedudukan global agak mencabar, namun saya menjangkakan Malaysia mempunyai banyak kekuatan, termasuk geografi.

"Saya percaya kita boleh memanfaatkannya dan melihat ke hadapan untuk memainkan peranan," katanya.

B.H. 27/9